



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 25 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KELANTAN BIOTECH BANTU SM SAINS TERNAK LEBAH KELULUT, KOLUMNIS, HAKAKAH -22	LAIN-LAIN
2.	BERSARA KERANA MINAT TERNAK ARNAB, BISNES, SH -30	
3.	URBANKIT GALAK TANAM, TERNAK SENDIRI MAKANAN ORGANIK, GAYA INOVASI, UM -24	
4.	SAMBUTAN MENGGALAKKAN, GAYA INOVASI, UM -25	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kelantan Biotech bantu SM Sains ternak lebah kelulut

PASIR PUTEH: Kerajaan negeri mengambil perhatian serius terhadap isu sekuriti makanan yang heboh diperkatakan sebelum ini.

Sehubungan itu Program Pendidikan Pertanian Kelulut Al Falah diadakan dengan pelbagai pihak bagi menghasilkan produk makanan sendiri.

Usaha tersebut termasuk mengadakan kerjasama dengan Sekolah Menengah (SM) Sains Pasir Puteh bagi menternak lebah kelulut.

Dana sebanyak RM30,000 disumbangkan kepada sekolah terbabit baru-baru ini bagi memberi peluang pendidikan tambahan kepada pelajar SMSPP berkaitan bidang penternakan kelulut.

Program tersebut diadakan dengan kerjasama Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBCSB).

Tenaga pakar dari Persatuan Usahawan Lebah Kelulut Darul Naim (Entrepreneur of



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyerahkan replika cek kepada Sekolah Menengah Sains Pasir Puteh.

Stingless Bee Society - bekalkan log beserta DRONESS) membantu topping berbumbung membimbing SMSPP jenis itama, tapak log mengurus lebah kelulut. kelulut dan beberapa set Di samping itu menyedut madu kelulut.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, usaha itu dilaksana mandangkan permintaan terhadap madu kelulut semakin meningkat sekarang.

"Ini kerana khasiat, rasa dan nilai komersial tinggi yang ada pada madu kelulut.

"Inisiatif yang dijalankan kerajaan

negeri dibarap dapat membuka minda pelajar subjek Biologi dapat mempelajari kitaran hidup lebah kelulut dan ekologi persekitaran kelulut," katanya pada program tersebut baru-baru ini.

Di samping itu juga kata beliau, program itu diharapkan mampu memberi input tambah berkegunaan pengetahuan menjadi seorang usahawan khususnya usahawan tani Gerakan Pertanian Al Falah.

Bersara kerana minat ternak arnab

Usaha pelbagaikan menu dan produk daging kerana permintaan tinggi

Oleh SAIFULLAH AHMAD
BAGAN DATUK

Gelaran bekas tentera bukan pengt'alang buat seorang usahawan untuk menjadi penternak arnab yang berjaya. Itulah yang dilakukan Mohd Azizi Abu Hassan, 37, yang pernah bersama Rejimen 22 Komando di Kem Iskandar, Mersing, Johor sebelum ini.

Menurutnya, minat terhadap haiwan tersebut timbul sejak masih berkhidmat di dalam tentera lagi dan mempunyai peng-

alaman membela beberapa ekor arnab.

Katanya, sebaik sahaja bersara awal tahun 2020, minatnya untuk menternak arnab pedaging semakin kuat dan terus mengeluarkan modal awal membeli seekor induk dengan lima ekor betina di Bukit Badong, Ipoh, Selangor.

"Bermula dari situ, pembiahan arnab saya semakin menjadi dan bertambah sehingga 12 ekor dan sekarang induk sahaja sudah ada 70 ekor.

"Alhamdulillah, permintaan juga semakin baik. Setiap bulan lebih 30 kg daging arnab boleh terjual dan jumlah itu dijangka akan bertambah dengan pelbagai produk berasaskan arnab akan dihasilkan," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sungai Nipah Darat, di sini.

Mohd Azizi berkata, antara produk berasaskan arnab yang dihasilkan seperti arnab perap,



Mohd Azizi serius untuk terlibat dalam perternakan arnab secara komersial yang dilaksanakan di rumahnya di Bagan Datuk.

sate, serunding, pekasam dan ketupat palas arnab.

Menurutnya, produk paling laris setakat ini adalah sate arnab dan ketika hari raya pula ketupat palas arnab juga mendapat per-

mintaan daripada orang ramai untuk merasai daging eksotik itu.

Bercerita mengenai cabaran, Mohd Azizi mengakui arnab kurang popular berbanding daging -daging ternakan lain kerana ti-

dak ramai orang mahu mencuba. Bagaimanapun katanya, dengan mempelbagaikan jenis produk dan masakan, tidak mustahil daging arnab tersebut mampu pergi lebih jauh dan mendapat permintaan yang tinggi.

"Cabaran yang sebenar adalah kos untuk menternak haiwan ini kerana harga makanan arnab kian meningkat.

"Jumlah makanan 50 kg hanya untuk seminggu makan dan untuk jimat, saya terpaksa campur dengan bahan-bahan lain untuk memastikan arnab-arnab ini kekal mendapat khasiat sama," katanya.

Sementara itu, Mohd Azizi sedang merancang untuk menghasilkan daging burger arnab sendiri untuk dipasarkan di samping menu-menu lain sedia ada.

Dia turut bercadang untuk mewujudkan taman haiwan ternakan sendiri yang boleh dikunjungi oleh orang ramai terutama di kawasan Bagan Datuk.

URBANKIT
di Masjid Al
Hasanah,
Bangi.

Urbankit galak tanam, ternak sendiri makanan organik

Oleh **INTAN SUHANA
CHE OMAR**
intan.suhana@mediamula.com.my

BERHADAPAN krisis sekuriti makanan ketika ini menyebabkan ramai yang semakin resah dan gelisah terutamanya golongan B40.

Paling dibimbangi, harga makanan yang merupakan keperluan harian juga semakin meningkat dengan ketara.

Namun sebenarnya, ada banyak sahaja alternatif yang telah dihasilkan oleh pakar-pakar dalam bidang penyelidikan bagi mengatasi permasalahan berkenaan.

Antaranya, penyelidikan daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian

Malaysia (MARDI) yang membangunkan Urbankit.

Ia merupakan alat yang berupaya untuk membolehkan orang ramai mewujudkan kolam dan kebun sendiri di rumah.

Inovasi dibangunkan sejak tahun 2013 itu menggunakan konsep akuaponik yang menggabungkan tanaman dan ikan untuk menghasilkan kebun sayur organik.

Pegawai Penyelidik Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Pengurusan Inovasi MARDI, Mohd. Joharry Abdul Hamid berkata, fokus utama pembangunan kit berkenaan adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah atau B40.



URBANKIT terdiri daripada empat tingkat yang tertalu banyak.

KELEBIHAN

- » Makanan organik
- » Menjimatkan duit dapur
- » Mampu milik
- » Praktikal
- » Mudah alih
- » Landskap terapi minda

Bantuan berkenaan termasuklah menyediakan satu kit tanaman yang membolehkan mereka menanam sayur-sayuran dan membela ikan dalam masa yang sama bagi mengurangkan kos perbelanjaan dapur.

"Kita faham golongan yang berada di kawasan bandar khususnya mempunyai kawasan tanah yang sangat terhad terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan apartment atau flat.

"Oleh itu, Urbankit ini dibangunkan supaya golongan ini juga mampu bercucuk tanam di dalam kediaman mereka kerana produk yang dihasilkan terdiri daripada empat tingkat kotak yang mampu menempatkan tiga jenis sayuran dan satu kolam ikan pada masa yang sama," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Inovasi Urbankit itu siap sepenuhnya dan dipatenkan pada tahun 2015 dengan menggunakan dana inovasi daripada MARDI sendiri sebanyak RM10,000.

Ia kemudiannya dipasarkan oleh TMEH Marketing Sdn. Bhd. TMEH menandatangani

25/8/2022

UTUSAN
MALAYSIAGAYA
INOVASI

25



tingkat kotak ini tidak memakan ruang



INOVASI ini siap sepenuhnya dan dipatenkan pada 2015 menggunakan dana inovasi daripada MARDI.



KONSEP akuaponik menggabungkan tanaman dan ikan untuk menghasilkan kebun sayur organik.



... proses simbiosis antara ikan yang dibela di bahagian bawah dan sayur-sayuran di bahagian atas mampu menghasilkan makanan organik yang lebih sihat kepada orang ramai.

kontrak perjanjian perlesenan secara eksklusif pada 2015 bersama institut berkenaan.

SUMBER SEMULAJADI

Proses simbiosis antara ikan yang dibela di bahagian bawah dan sayur-sayuran di bahagian atas mampu menghasilkan makanan organik yang lebih sihat kepada orang ramai.

Konsep akuaponik berkenaan berfungsi dengan menggunakan ikan sebagai sumber baja kepada sayuran yang ditanam.

"Najis ikan akan menjadi sumber baja kepada tanaman yang kemudiannya akan disedut menggunakan pam air yang disediakan untuk menguraikan najis berkenaan.

"Kitaran ini yang akan menghasilkan sayuran organik kerana tiada baja kimia digunakan dan semuanya adalah semula jadi," katanya.

Antara tanaman sesuai adalah kangkung, bayam, cili dan timun, manakala ikan yang sesuai dibela pula adalah daripada spesies air tawar seperti keli dan talapia.

Selain itu, ia juga sangat membantu dalam mengurangkan perbelanjaan dapur sehingga 40 peratus.

Mengambil contoh di Masjid Al Hasanah Bandar Baru Bangi yang telah pun menggunakan 70 kit berkenaan yang dibeli daripada TMEH, kata Joharry, kit berkenaan berjaya membantu golongan B40 dan asnaf menjimatkan barangan dapur sehingga RM80 sebulan.

Bagi yang menggunakannya untuk tujuan perniagaan ikan dan sayuran pula boleh menjana pendapatan sehingga RM156 sebulan untuk satu kit.

"Masjid Al Hasanah boleh dikatakan sebagai perintis yang menggunakan kit ini secara besar-besaran bagi membantu golongan asnaf dan B40 untuk mengurangkan bebanan barang dapur dan menjana pendapatan sampingan.

"Itu juga adalah antara fokus kami sejak awal iaitu bukan sahaja membantu mengurangkan kos barang dapur tetapi juga membantu pengguna untuk menjana pendapatan dengan pertanian," jelasnya.

Tambah Joharry, kit yang praktikal dan mudah alih itu juga boleh menjadi sebahagian dekorasi kediaman dengan bunyian air terjun yang mengalir dari pam air.

Bahagian kolam bawah juga boleh digunakan untuk memelihara ikan hiasan untuk nilai estetik.



NOR NASHRINA

Sambutan menggalakkan

SEMENTARA itu, Eksekutif Jualan TMEH, Nor Nashrina Muhammad Nashri Yong berkata, jualan kit berkenaan semakin mendapat sambutan menggalakkan daripada pelanggan.

"Tidak dinafikan ketika awal pemasaran dahulu sangat kurang sambutan kerana masalah produk baharu atau inovasi baharu memang agak mengambil masa untuk diterima ramai.

"Tetapi lima tahun selepas itu, sambutan semakin baik dan ramai yang semakin memahami konsep akuaponik dan kelebihannya. Tambahan pula, kit ini memang sahaja menanam sayur dan memelihara ikan di kawasan atau dalam rumah tanpa memakan ruang yang banyak," katanya ketika ditemui di Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) baru-baru ini.

Mengulas mengenai sambutan di MAHA, katanya hampir 20 klt terjual dan semalam ramai pengunjung yang berminat dengan konsep akuaponik yang dipamerkan.

Kit berkenaan hadir dengan tiga pilihan kerangka iaitu paip aluminium dijual pada harga RM1700, paip besi tahan karat RM1550 dan paip besi saduran ABS RM800.